KONAZOL

Ketoconazole Cream BP 2 % W/W

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan KONAZOL
2. Bagaimana KONAZOL berfungsi
3. Sebelum menggunakan KONAZOL
4. Cara menggunakan KONAZOL
5. Semasa menggunakan KONAZOL
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan KONAZOL
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan KONAZOL

KONAZOL adalah ubat untuk merawat jangkitan kulit yang disebabkan oleh kulat atau yis.

Ia digunakan untuk merawat jangkitan kulit pada badan, lipatan paha, kaki atau tangan. KONAZOL ini juga digunakan untuk merawat jangkitan kulit yang biasanya berlaku pada muka dan di dada dengan tompok coklat kemerahan dan bersisik kuning atau putih (dermatitis seborea).

Bagaimana KONAZOL berfungsi

KONAZOL berfungsi dengan membunuh kulat yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum menggunakan KONAZOL

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan gunakan KONAZOL jika anda tahu anda hipersensitif (alergi) kepadanya. Simptom hipersensitiviti termasuk kegatalan dan kulit merah yang mungkin berlaku selepas anda menyapu KONAZOL.

- *Sebelum menggunakan KONAZOL*

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat ini:

- Jika anda baru-baru ini menggunakan krim, salap atau losyen yang mengandungi steroid pada kulit jangkitan anda: Anda perlu terus menyapu krim, salap, atau losyen yang mengandungi steroid sederhana (seperti hidrokortison) pada waktu pagi manakala menyapu KONAZOL pada waktu malam. Rawatan steroid yang sederhana boleh kemudian dihentikan secara beransur-ansur dalam tempoh 2 – 3 minggu.

Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai pemberhentian losyen, salap atau krim steroid anda, tanya doctor atau ahli farmasi anda.

Mengandung dan menyusukan anak
Tiada risiko yang diketahui dengan menggunakan KONAZOL dalam kehamilan atau menyusukan badan.

Kanak-kanak dan remaja
KONAZOL tidak disyorkan untuk digunakan oleh kanak-kanak bawah 18 tahun.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Jika anda juga menggunakan kortikosteroid (ubat jenis kortison dalam krim, salap atau losyen), periksa dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum memulakan rawatan dengan KONAZOL. Anda mungkin mula menggunakan KONAZOL secara serta merta, tetapi jangan berhenti menggunakan kortikosteroid.

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Meneruskan rawatan anda seperti berikut:

- Gunakan kortikosteroid pada waktu pagi dan KONAZOL pada waktu malam selama 1 minggu
- Selepas itu, sapukan kortikosteroid pada waktu pagi setiap 2 atau 3 hari dan KONAZOL pada setiap malam untuk 1 hingga 2 minggu
- Kemudian berhenti menggunakan kortikosteroid dan, jika perlu teruskan dengan KONAZOL sahaja.

Jika anda mempunyai sebarang soalan, sila berbincang denga doktor atau ahli farmasi anda.

Cara menggunakan KONAZOL

- *Berapa banyak harus digunakan*

Anda perlu sapukan KONAZOL sekali atau dua kali sehari seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Bergantung kepada jenis jangkitan, rawatan boleh bertahan selama 2 hingga 6 minggu. Biasanya anda akan melihat tanda penambahbaikan selepas 4 minggu. Jika ini tidak berlaku, berbincang dengan doktor anda.

Bagi jangkitan kulit pada badan, lipatan paha, kaki dan tangan, sapukan KONAZOL sekali sehari.

Bagi jangkitan kulit yang biasanya berlaku pada muka dan di dada dengan tompok coklat kemerahan dan bersisik kuning atau putih (dermatitis seborea), sapukan KONAZOL sekali atau dua kali sehari.

Jangkitan kulit biasanya akan menjadi lebih baik selepas 2 hingga 4 minggu dan selepas itu anda boleh terus menggunakan KONAZOL sekali atau dua kali seminggu.

• Untuk membuka tiub, buka penutup dan kemudian tusuk penutup tiub menggunakan pin pada bahagian atas penutup.
• Bersihkan kulit yang dijangkiti dan lapkan sehingga kering.
• Gosok KONAZOL perlahan-lahan di kawasan yang dijangkiti dan kawasan di sekitar kawasan yang dijangkiti dengan hujung jari anda.
• Basuh tangan anda dengan berhati-hati selepas anda menggunakan KONAZOL, kecuali jika rawatan tersebut untuk tangan anda.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak

memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Jangan berhenti menggunakan krim ini sehingga beberapa hari selepas semua simptom hilang sepenuhnya.

Teruskan penggunaan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Jangan menggunakan dos kedua untuk menggantikan dos yang lupa.

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Apabila terlalu banyak KONAZOL atau KONAZOL digunakan lebih kerap daripada yang diarahkan oleh doctor anda, ia boleh menyebabkan kepedihan, kemerahan atau bengkan. Jika ini berlaku, berhenti menggunakan KONAZOL serta merta.

KONAZOL tidak boleh ditelan. Jika KONAZOL ditelan secara tidak sengaja, hubungi doktor anda.

Semasa menggunakan KONAZOL

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Basuh tangan anda berhati-hati selepas anda menyapukan KONAZOL.

Simpan tuala dan flanel yang berasingan untuk kegunaan anda sendiri untuk megelakkan menjankiti orang lain.

Menukar pakaian yang bersentuhan dengan kilut dijankiti dengan kerap untuk mengelakkan jangkitan semula kepada diri sendiri.

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan KONAZOL.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan sapukan KONAZOL pada mata.

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi KONAZOL kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Memandu dan menggunakan jentera
KONAZOL kemungkinan tidak menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mana-mana alat atau mesin.

KONAZOL mengandungi propylene glycol. Ini mungkin mengakibatkan kerengsaan kulit.

KONAZOL mengandungi cetyl alcohol dan stearyl alcohol. Ini boleh menyebabkan reaksi kulit seperti dermatisi sentuh.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, KONAZOL boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mendapatnya. Beritahu doktor anda jika anda mendapati mana-mana kesan sampingan yang berikut semasa menggunakan KONAZOL:

• Kepedihan kulit terbakar, kegatalan atau kemerahan
• Reaksi hiper-sensitivity (alergi), ruam, eczema, gatal-gatal, kerengsaan atau reaksi kulit setempat yang lain

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda menyedari sebarang kesan sampingan yang tidakdisenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan KONAZOL

- *Penyimpanan*

Simpan di bawah 30° C.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

- *Pelupusan*

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Krim licin warna putih.

- *Bahan-bahan kandungan*

- Bahan aktif:
Ketoconazole BP

- Bahan tidak aktif:
Soft Paraffin BP, Cetomacrogol 1000 BP, Light Liquid Paraffin BP, Propylene Glycol BP, Disodium hydrogen Phosphate anhydrous BP, Disodium Edetate BP, Purified water BP.

- *No MAL.:* MAL24096048AZ

Pengilang

Lincoln Pharmaceuticals Ltd.
Trimul Estate, Khatraj, Tal-Kalol
382721 Gandhinagar, India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Healol Pharmaceuticals Sdn. Bhd. 74, 74-1, 74-2, 74-3, Pusat Bandar Wangsa Maju, Jalan Wangsa Delima 6 (1/27F), Seksyen 5 Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini

11/09/2026

Nombor Siri

NPRA (R2) 23/152